

Al-Ma'unah mahu . guling kerajaan: PM

BH 11 JUL 2000

Oleh Wan Hazmir Bakar

PUTRAJAYA, Isnin - Kumpulan Perguruan Persaudaraan Ilmu Dalam Al-Ma'unah Malaysia (Al-Ma'unah) yang melarikan senjata api dari kem tentera di Grik baru-baru ini, berhasrat menumbangkan kerajaan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri menegaskan, kumpulan itu mahu menukar kerajaan sedia ada di negara ini dengan cara mereka sendiri apabila menuntut supaya beliau dan anggota Kabinet meletak jawatan.

"Mereka memang terlibat dengan politik, iaitu dengan cara mereka sendiri. Mereka nak tukar kerajaan ini, nak jatuhkan kerajaan yang ada.

"Mereka sudah mengeluarkan kenyataan supaya Perdana Menteri dan kuli-kulinya, bermakna semua ahli Kabinet, meletak jawatan," katanya sambil menambah, tuntutan itu disampaikan ketika kumpulan itu membuat hubungan pertama melalui radio dengan pasukan keselamatan.

Dr Mahathir menjelaskan demikian selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno selama kira-kira enam jam di Kompleks Seri Perdana, di sini hari ini.

Dalam kejadian 2 Julai lalu, sekumpulan lelaki memakai seragam tentera melarikan pelbagai jenis senjata api dari Kem Batalion 304 Askar Wataniah di Grik sebelum berkubu di Bukit Jenalek, Sauk, Kuala Kangsar.

Selepas dikepung oleh pasukan keselamatan selama empat hari, 27

✓ **Tuntutan pertama menerusi wayarles supaya PM dan Kabinet. letak jawatan.**

✓ **Kerajaan mungkin mengeluarkan kertas putih mengenai kejadian di Sauk.**

anggota kumpulan itu, termasuk ketua mereka, Mohd Amin Razali, menyerah diri.

Bagaimanapun, anggota komando Tupa Mathew a/k Medan dan detektif Cawangan Khas R Saga-devan yang ditahan kumpulan itu, dibunuh dengan kejam. Turut terbunuh ialah seorang anggota kumpulan itu.

Dr Mahathir, yang tidak menyatakan sama ada kumpulan Al-Ma'unah membuat tuntutan lain, tidak menolak kemungkinan kumpulan itu turut merancang membunuh pemimpin kerajaan.

"Jika mereka sanggup membunuh orang (dengan kejam) seperti itu, maka tentu kemungkinan itu ada tetapi ini bukanlah sifat orang Malaysia, ini sifat orang gila seperti di Batu Pahat dan Memali," katanya.

LIHAT MUKA 2

Kertas putih peristiwa Sauk dikeluarkan jika perlu

DARI MUKA 1 BH 1 1 JUL 2000

Beliau menfiatkan cubaan kumpulan itu untuk menumbangkan kerajaan sebagai tindakan bodoh kerana mereka langsung tidak membuat sebarang persiapan untuk mentadbirkan negara.

"Mereka mahu menumbangkan kerajaan tetapi mereka ambil tindakan secara bodoh. Apa yang boleh mereka buat dengan duduk di Sauk itu, apa persiapan pun tak ada," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan akan menjelaskan kepada rakyat mengenai perkara yang sebenar berlaku di Sauk dan jika perlu, mengeluarkan kertas putih mengenainya.

Kerajaan bimbang, jika penjelasan tidak dibuat, ada pihak tertentu yang akan menyebarkan dakyah konon kumpulan Al-

Ma'unah bertindak sedemikian kerana kerajaan tidak melaksanakan syiar Islam di negara ini.

"Inilah adalah pendapat yang akan disuarakan oleh kumpulan yang kita tahu bersimpati dengan kumpulan ini... bersimpati kerana mereka mempunyai matlamat yang sama, kononnya memperjuangkan penubuhan negara Islam.

"Ini perbuatan jenayah yang membabitkan pembunuhan. Islam tidak mengizinkan pembunuhan dibuat dengan cara tidak bertanggungjawab walaupun yang dibunuh itu bukan orang Islam. Al-Ma'unah tidak berjuang untuk agama Islam sama sekali.

"Saya harap tidak ada sesiapa yang akan membaca khutbah atau syarahan untuk menghalalkan perbuatan kumpulan ini,"

katanya.

Ditanya tindakan Pas mempertahankan kumpulan itu seperti tersiar dalam laman web Harakah, Dr Mahathir berkata Pas bertindak sedemikian ke-

rana ada ahlinya yang terabit dalam kumpulan itu, sama ketika kes Memali.

Oleh itu, katanya, Umno akan menerangkan kepada rakyat perjuangan sebenar Umno dalam mema-

jukan umat Islam di negara ini, yang berteraskan kepada penguasaan ilmu pengetahuan bagi menyaingi bangsa lain.

Beliau meminta umat Islam menolak pendekatan

ganas dan yang bersandar kepada ilmu kebatinan karut kerana "jika orang Islam boleh kebal dengan membaca ayat tertentu, sudah tentu mereka sekarang menguasai dunia'!